

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1991/92

Oktober/November 1991

SPU405 - Seminar Politik Malaysia

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab mana-mana **EMPAT** soalan.

1. [a] Huraikan perkembangan-perkembangan utama mengenai kerajaan berperlembagaan di Malaysia sejak kemerdekaan.

[b] Apakah faktor-faktor utama yang dapat menjelaskan perkembangan-perkembangan itu?

[100 markah]

2. Malaysia mengamalkan kerajaan berperwakilan (iaitu "representative government") tetapi keperwakilan (iaitu "representativeness") kerajaan Malaysia dapat dipersoalkan. Bincangkan.

[100 markah]

3. [a] Sejauhmanakah benarnya hujah yang Dasar Ekonomi Baru (1971 - 1990) itu satu pendekatan kapitalisme pemerintah?

[b] Nyatakan dengan contoh-contoh yang terang akan implikasi besar Dasar itu kepada politik Malaysia.

[100 markah]

... 2/-

4. Isu Islam dalam politik Malaysia lebih hebat di kalangan Melayu daripada di antara Melayu dengan bukan Melayu. Bincangkan.
[100 markah]
5. Dengan merujuk kepada negeri Sabah atau negeri Sarawak, jawablah soalan-soalan yang berikut:
- [a] Apakah asal-usul masalah perkauman yang makin meruncing di dalam negeri?
- [b] Terangkan kesan masalah itu terhadap hubungan antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.
- [100 markah]
6. [a] Bincangkan tentang kerjasama serantau Malaysia dengan rakan-rakan ASEANnya dengan memberi tekanan kepada bidang-bidang dan isu-isu yang diutamakan oleh ASEAN.
- [b] Sejauhmanakah kerjasama itu telah berjalan dengan licin? Berikan hujah-hujah dan contoh-contoh untuk menyokong pendapat anda.
- [100 markah]
7. Dengan merujuk kepada teori-teori tertentu, bincangkan kesan-kesan proses perindustrian dalam sistem dunia semasa ke atas amalan demokrasi di Malaysia.
[100 markah]

- oo oo oo -